

20 DEC 2001

MCA-Ong

"SAYA KESAL DENGAN KEPUTUSAN JAWATANKUASA PUSAT", KATA ONG

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Ketua Pemuda MCA Datuk Ong Tee Keat berkata beliau amat kesal dengan keputusan Jawatankuasa Pusat MCA untuk menggantung jawatankuasa pusat Pemuda.

"Ini bukan sahaja membabitkan penggantungan Jawatankuasa Pusat Pemuda tetapi pada masa yang sama semua aktivitinya yang dijadual dijalankan oleh beberapa biro," kata beliau pada persidangan media yang penuh sesak di Wisma MCA di sini malam ini.

Bagaimanapun, Ong berkata keputusan Jawatankuasa Pusat itu tidak akan meruntuhkan semangat pergerakan Pemuda terutama dikalangan pemimpinnya.

"Kami tidak bimbang dengan keputusan itu dan kami pasti akan berkempen secara aktif bagi pilihan raya kecil," kata beliau ketika merujuk kepada pilihan raya kecil yang akan diadakan berikutan kematian anggota dewan undangan negeri bagi Indera Kayangan Datuk Khor Liang Tee.

Khor, 59, yang juga Pengerusi MCA Perlis, meninggal dunia di Gleneagles Intan Medical Centre di Kuala Lumpur malam tadi kerana menghidap barah usus.

Ong berkata para pemimpin Pemuda termasuk beliau sendiri bertanggungjawab untuk mendapatkan sokongan daripada masyarakat Cina untuk membolehkan mereka berdiri di belakang Barisan Nasional di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik mengumumkan keputusan menggantung jawatankuasa pusat Pemuda dan beberapa peruntukan dalam undang-undang kecil pergerakan itu, berkuatkuasa serta merta.

Berikutan keputusan itu, semua aktiviti dan mesyuarat pergerakan Pemuda juga digantung.

Sebagai menggantikan jawatankuasa pusat Pemuda, MCA melantik jawatankuasa khas yang diketuai oleh bekas setiausaha penaja kebangsaan Wang Choon Wing bagi menyelesaikan krisis itu yang telah berlarutan selama enam bulan.

Bagaimanapun, tiada jangka masa ditetapkan mengenai tempoh penggantungan.

-- BERNAMA

AT MAM FAZ